

PERMOHONAN NOMBOR TERBITAN JKR

Satu sistem pemberian nombor terbitan yang telah diadakan sejak tahun 1998 untuk semua terbitan Jabatan Kerja Raya. Peraturan ini merupakan usaha jabatan untuk mewujudkan satu sistem yang teratur dan berkesan bagi mengumpul, melengkapkan dan mengenalpasti judul dan bilangan terbitan yang dikeluarkan oleh setiap Cawangan / Unit / JKR Negeri. Dengan cara ini maklumat penting boleh didapati dengan lebih cepat dan mudah.

Unit Perpustakaan dan Sumber, Cawangan Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia telah dipertanggungjawabkan sebagai pusat pengawal nombor terbitan JKR. Pegawai dokumentasi di setiap Cawangan / Unit / JKR Negeri perlu dilantik untuk menyelaras bahan yang akan dicetak dan ditugaskan untuk mendapatkan nombor terbitan setiap kali sebelum sesuatu judul itu dicetak dengan mengisi borang yang boleh didapati daripada Unit Perpustakaan dan Sumber atau borang elektronik atau melalui telefon 03-26107032 / 7031 / 7034.

Pegawai dokumentasi Cawangan / Unit / JKR Negeri perlulah mengesan dan memastikan judul – judul tersebut diberi nombor terbitan. Jika sebarang pindaan atau pembatalan terbitan yang telah diberi nombor terbitan JKR, sila maklumkan kepada Unit Perpustakaan dan Sumber. Tiga (3) naskhah terbitan JKR hendaklah diserahkan kepada Unit Perpustakaan dan Sumber sebaik sahaja terbitan itu dicetak seperti di alamat berikut:-

Ketua Unit Perpustakaan dan Sumber JKR

Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya

Tingkat 16, Blok F

Jalan Sultan Salahuddin

50582 Kuala Lumpur

Tel:- 03-26107032 / 7031/ 7034

Faks:- 03-26112507

Emel : jkrlib@jkr.gov.my

Nota Penerangan Pemberian Nombor Terbitan Jabatan Kerja Raya

- i. Nombor Terbitan JKR merupakan nombor tunggal dalam 3 bahagian untuk sesebuah terbitan tersebut dikenali dengan tepat. Contoh Nombor Terbitan JKR :

JKR 20700 - 0001 - 05

Bahagian 1 - Kod Identiti Cawangan / Unit / JKR Negeri
(**20700** – Cawangan Pengurusan Korporat)

Bahagian 2 - Identiti Judul
(**0001** – Bilangan judul diterbitkan)

Bahagian 3 - Identiti Tahun
(**05** – Tahun terbitan 2005)

Bahagian 1: Identiti Penerbit, iaitu Cawangan/Unit /JKR Negeri yang mengeluarkan judul tersebut. Dalam contoh di atas, angka 20700 merupakan kod identiti Cawangan Pengurusan Korporat. Sila pastikan bahawa Kod Identiti Jabatan tuan yang telah diberikan seperti dalam Lampiran I dan II sentiasa digunakan.

Bahagian 2: Identiti Judul, di mana bilangan judul yang diterbitkan oleh Cawangan/Unit /JKR Negeri dicatat. Judul pertama yang diterbitkan diberi angka bilangan 0001, yang kedua diberi angka bilangan 0002 dan seterusnya, dan angka bilangan ini diteruskan pada tahun - tahun berikutnya.

Bahagian 3: Identiti Tahun, iaitu tahun judul tersebut diterbitkan. Angka ini bermula dengan angka 05 bagi tahun 2005, angka 06 bagi tahun 2006 dan seterusnya.

- ii. Dengan demikian, nombor terbitan **JKR 20700 - 0001 - 05** mengenalpasti judul yang pertama dalam tahun 2005 diterbitkan oleh **Cawangan Pengurusan Korporat**.
- iii. Nombor Terbitan JKR ini perlulah di cetak bersama **di bahagian atas sebelah kanan kulit depan terbitan seperti dalam contoh yang disertakan**.
- iv. Terbitan – terbitan yang dimaksudkan merupakan terbitan – terbitan yang tetap, tidak dalam bentuk deraf dan boleh dirujuk untuk makluman. Antaranya termasuklah **laporan bulanan projek, laporan tahunan, arahan teknik, buletin dan kertaskerja seminar yang telah dijilid**.
- v. **Tiga (3) naskhah terbitan** tersebut hendaklah diserahkan kepada Unit Perpustakaan dan Sumber, Cawangan Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Malaysia untuk rujukan pegawai dan kakitangan Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kerja Raya dan agensi-agensinya di bawahnya.

Kod Identiti Bagi Terbitan JKR Cawangan

Cawangan JKR	Kod Identiti	Contoh Nombor Standard Terbitan JKR
Cawangan Jalan	JKR 20400	JKR 20400-0681-03
Cawangan Kerja Bangunan Am	JKR 20100	JKR 20100-0001-12
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal	JKR 20500	JKR 20500-0001-12
Cawangan Kerja Keselamatan	JKR 21000	JKR 21000-0008-11
Cawangan Kerja Kesihatan	JKR 21400	JKR 21400-0001-12
Cawangan Pendidikan dan Pengajian Tinggi	JKR 21100	JKR 21100-0001-12
Cawangan Pangkalan Udara dan Maritim	JKR 20600	JKR 20600-0023-11
Cawangan Kejuruteraan Senggara	JKR 21600	JKR 21600-0001-12
Cawangan Pengurusan Korporat	JKR 20700	JKR 20700-0214-13
Cawangan Pengurusan Projek Kompleks (PROKOM)	JKR 29300	JKR 29300-0007-11
Cawangan Arkitek	JKR 20802	JKR 20802-0014-10
Cawangan Kontrak & Ukur Bahan	JKR 20800	JKR 20800-0001-12
Cawangan Kejuruteraan Jalan & Geoteknik	JKR21300	JKR 21300-0046-13
Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur dan Jambatan	JKR 20601	JKR 20601-0001-12
Cawangan Kejuruteraan Elektrik	JKR 20300	JKR 20300-0001-11
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal	JKR 20500	JKR 20500-0007-10
Cawangan Alam Sekitar & Tenaga	JKR 20801	JKR 20801-0001-06

Kod Identiti Bagi Terbitan JKR Negeri

JKR Negeri	Kod Identiti	Contoh Nombor Standard Terbitan JKR
JKR Johor	JKR 301	JKR 301 – 0001 – 05
JKR Kedah	JKR 302	JKR 302 – 0001 – 05
JKR Kelantan	JKR 303	JKR 303 – 0001 – 05
JKR Melaka	JKR 304	JKR 304 – 0001 – 05
JKR Negeri Sembilan	JKR 305	JKR 305 – 0001 – 05
JKR Pahang	JKR 306	JKR 306 – 0001 – 05
JKR Perak	JKR 307	JKR 307 – 0001 – 05
JKR Perlis	JKR 308	JKR 308 – 0001 – 05
JKR Pulau Pinang	JKR 309	JKR 309 – 0001 – 05
JKR Selangor	JKR 312	JKR 312 – 0001 – 05
JKR Terengganu	JKR 313	JKR 313 – 0001 – 05
JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	JKR 31200	JKR 31200 – 0001 - 05
JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya	JKR 316	JKR 316 - 000 - 05
JKR Wilayah Persekutuan Labuan	JKR 315	JKR 315 – 0001 – 05